



---

---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI**

**Y.B. TIMBALAN MENTERI**

**Y.BHG. KSU**

**Y.BHG. TKSU (PDN)**

**Y.BHG. TKSU (PUP)**

**SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**5 FEBRUARI 2022 (SABTU)**



---

---

# **KERATAN AKHIBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

---

**5 FEBRUARI 2022 (SABTU)**

# Henti sewa tapak niaga warga asing

Oleh ARIF AIMAN ASROL  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Perbuatan menyewakan tapak niaga di pasar-pasar awam oleh orang tempatan kepada warga asing perlu dibentikkan segera.

Presiden Lembaga Perlindungan dan Kebajikan Pengguna Malaysia (LPKPM), Dr. Lee Nan Sang berkata, jika tidak ditangani, peluang perniagaan dan pekerjaan untuk orang tempatan terjejas disebabkan sikap tamak segelintir pihak yang mahu mengaut keuntungan cepat dengan mudah.

Katanya, pihak berkuasa tempatan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) perlu mengetatkan pemantauan serta kawalan ke atas tuan punya gerai supaya mereka tidak sewakan kepada warga asing.

"Saya juga diberitahu harga barang mentah di pasar borong ditentukan atau dimonopoli



ANTARA warga asing yang dipercayai bekerja sebagai pembantu peniaga di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur. -  
UTUSAN/AMIR KHALID

warga asing, jadi pihak berwajib perlu sentiasa memantau harga barang dan bukannya menunggu sampai ada aduan dibuat untuk mengambil tindakan," jelasnya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Dr. Jacob George berkata, warga asing menjadi kuat disebabkan sikap tidak bertanggungjawab

warga tempatan sendiri.

"Kita tidak boleh salahkan sebelah pihak sahaja, warga asing datang ke negara kita untuk bekerja. Jadi apabila mereka diberi tawaran untuk bermiaga

sudah pasti mereka mengambil peluang tersebut.

"Jika lihat pada borang permohonan pemilikan tapak niaga juga sudah kita akui bahawa tapak itu untuk kita niaga dan bukan orang lain. Kita sendiri memecahkan amanah tersebut. Jika ikut undang-undang lesen mereka boleh ditarik tetapi jika dibuat sebegitu timbul pula isu sentimen dan sebagainya," katanya.

Semasa tinjauan *Utusan Malaysia* di beberapa pasar mendapat, bilangan warga tempatan yang menjalankan aktiviti berniaga lebih sedikit berbanding warga asing dan dilihat mereka mempunyai kelompok besar di kawasan dagangan itu.

Menurut sumber, warga asing mendapat peluang menjalankan perniagaan di sana adalah disebabkan warga tempatan yang memohon lesen daripada pihak berkuasa tetapi bertindak meriah keuntungan 'atas angin'.

# Cari formula terbaik agih subsidi elak penternak ayam rugi

Kos operasi makin meningkat punca kekurangan bekalan sepanjang musim perayaan

Oleh Noorazura Abdul Rahman  
bhnews@bh.com.my

**Alor Setar:** Pemberian subsidi ternak ayam diharap dapat mewujudkan situasi menang-menang dalam memastikan penternak tempatan tidak terbeban dengan kos operasi yang semakin meningkat ketika ini.

Pengasas dan Presiden Bismi Empire (Ayam Bismi), Jaffri Ahmad, berkata kerajaan perlu mencari formula terbaik melaksanakan mekanisme subsidi agar penternak tidak terus menanggung kerugian.

"Setakat ini, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan belum menjelaskan bagaimana subsidi ini akan diagihkan. Cuma harapan kita sekurang-kurangnya jangan bagi penternak rugi.

"Jika penternak mengalami kerugian, kita terpaksa mengurangkan pengeluaran ayam ke-

rana tidak mahu terus menanggung kos yang tinggi," katanya pada Majlis Perasmian Rumah Makan Percuma Ayam Bismi di sini, kelmarin.

Beliau mengulas pengumuman kerajaan yang akan memberikan subsidi bagi memastikan harga barang dapat dikawal selepas Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) berakhir semalam.

Pemberian subsidi itu antara perkara diputuskan kerajaan dalam Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) mengenai Industri Pengeluaran Makanan bagi menangani isu bekalan dan pengeluaran makanan, terutama bagi ayam dan telur ayam.

Mengulas lanjut, Jaffri berkata, kemelut ayam ketika ini semakin memburuk dengan masalah kekurangan bekalan ayam sepanjang musim perayaan Tahun Baharu Cina.

"Contohnya apa yang berlaku dua bulan lalu, apabila kerajaan umum ayam import akan dibawa masuk 200 kontena. Jadi, penternak rasa takut untuk simpan stok ayam banyak kerana nanti ayam sejuk akan masuk.

"Kalau bertembung, kita tidak tahu hendak jual ayam di mana, sedangkan kos semakin tinggi. Akibatnya tidak pernah berlaku ketika Tahun Baharu Cina, bekalan ayam berkurangan hingga 90 peratus," katanya.

Setakat ini, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan belum menjelaskan bagaimana subsidi ini akan diagihkan. Cuma harapan kita sekurang-kurangnya jangan bagi penternak rugi

Jaffri Ahmad,  
Pengasas dan Presiden Bismi Empire



# Cari formula terbaik agih subsidi elak penternak ayam rugi

Kos operasi makin meningkat punca kekurangan bekalan sepanjang musim perayaan

Oleh Noorazura Abdul Rahman  
bhnews@bh.com.my

**Alor Setar:** Pemberian subsidi ternakan ayam diharap dapat mewujudkan situasi menang-menang dalam memastikan penternak tempatan tidak terbeban dengan kos operasi yang semakin meningkat ketika ini.

Pengasas dan Presiden Bismi Empire (Ayam Bismi), Jaffri Ahmad, berkata kerajaan perlu mencari formula terbaik melaksanakan mekanisme subsidi agar penternak tidak terus menanggung kerugian.

"Setakat ini, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan belum menjelaskan bagaimana subsidi ini akan diagihkan. Cuma harapan kita sekurang-kurangnya jangan bagi penternak rugi.

"Jika penternak mengalami kerugian, kita terpaksa mengurangkan pengeluaran ayam ke-

rana tidak mahu terus menanggung kos yang tinggi," katanya pada Majlis Perasmian Rumah Makan Percuma Ayam Bismi di sini, kelmarin.

Beliau mengulas pengumuman kerajaan yang akan memberikan subsidi bagi memastikan harga barang dapat dikawal selepas Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) berakhir semalam.

Pemberian subsidi itu antara perkara diputuskan kerajaan dalam Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) mengenai Industri Pengeluaran Makanan bagi menangani isu bekalan dan pengeluaran makanan, terutama bagi ayam dan telur ayam.

Mengulas lanjut, Jaffri berkata, kemelut ayam ketika ini semakin memburuk dengan masalah kekurangan bekalan ayam sepanjang musim perayaan Tahun Baharu Cina.

"Contohnya apa yang berlaku dua bulan lalu, apabila kerajaan umum ayam import akan dibawa masuk 200 kontena. Jadi, penternak rasa takut untuk simpan stok ayam banyak kerana nanti ayam sejuk akan masuk.

"Kalau bertembung, kita tidak tahu hendak jual ayam di mana, sedangkan kos semakin tinggi. Akibatnya tidak pernah berlaku ketika Tahun Baharu Cina, bekalan ayam kekurangan hingga 90 peratus," katanya.

Setakat ini, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan belum menjelaskan bagaimana subsidi ini akan diagihkan. Cuma harapan kita sekurang-kurangnya jangan bagi penternak rugi

*Jaffri Ahmad,  
Pengasas dan Presiden Bismi Empire*





Penguat kuasa KPDNHEP Negeri Sembilan membuat pemeriksaan bekalan dan harga ayam di pasar awam, semalam.  
(Foto ihsan KPDNHEP Negeri Sembilan)

## KPDNHEP Negeri Sembilan giat pantau bekalan, harga ayam

**Seremban:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan akan mempergiat pemantauan bekalan dan harga ayam standard bagi memastikan peniaga mematuhi peraturan.

Pengaruhnya, Ain Arjuna Aziz Zaman, berkata usaha ini susulan pengumuman langkah intervensi kerajaan menetapkan harga maksimum runcit bagi ayam standard pada RM8.90 berkuat kuasa hari ini sehingga 5 Jun ini.

"Pemeriksaan oleh anggota penguat kuasa terus dipergiat untuk memastikan peniaga di Negeri Sembilan mematuhi harga maksimum runcit, bagi ayam standard dan tidak menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan.

"Hasil pemeriksaan yang dilancarkan sepanjang musim perayaan Tahun Baharu Cina, didapati harga ayam standard di 14 pasar awam di Negeri Sembilan dijual dengan harga kawalan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM), iaitu

RM9.10 sekilogram.

"Ayam standard di 25 pasar raya pula mencatatkan harga jualan antara RM7.80 sekilogram sehingga RM9.10 sekilogram," katanya semalam.

Mengenai bekalan telur ayam yang dilaporkan mengalami kekurangan, Ain Arjuna berkata, ia disebabkan permintaan tinggi terutama ketika musim perayaan dan untuk kegunaan majlis perkahwinan.

Beliau berkata, pemantauan berterusan pihaknya turut dilakukan ke atas sebanyak 41 peruncit dan tiga pemborong terbabit dalam rantai pengedaran telur ayam bermula 28 Januari hingga Rabu lalu.

"Sesetengah premis runcit juga memaklumkan terdapat pembekal yang tidak beroperasi ketika cuti perayaan ini dan akan menyambung operasi hari ini (semalam).

"Pengguna di Negeri Sembilan dinasihatkan tidak bimbang dan perlu mengelakkan pembelian panik memandangkan situasi ini bersifat sementara," katahyia.



Penguat kuasa KPDNHEP Negeri Sembilan turut membuat pemeriksaan harga telur di sebuah pasar raya di Seremban, semalam.

Isu kekurangan telur ayam

# Kementerian arah peruncit laksana ‘pembelian terhad’

Langkah kawal belian panik, pastikan bekalan dapat dinikmati ramai pengguna

Oleh Noor Atiqah Sulairaa  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengarahkan peruncit melaksanakan ‘pembelian terhad’ terhadap jualan telur di premis masing-masing, sekiranya perlu bagi mengawal pembelian panik dalam kalangan pengguna.

Ketua Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP, Azman Adam, berkata

ta langkah itu disaran bagi memastikan bekalan yang masih ada pada mereka dapat dinikmati oleh lebih ramai pengguna.

Beliau berkata, berdasarkan maklum balas diterima daripada industri, isu kekurangan bekalan telur yang berlaku ketika ini adalah terpencil dan dijangka kembali seperti sedia kala selepas cuti sambutan Tahun Baharu Cina.

“Kita yakin bekalan telur ayam akan kembali stabil dan keberadaan akan meliputi semua lokaliti di seluruh negara apabila semua ladang pengeluarnya dan syarikat logistik penghantaran kembali beroperasi selepas cuti.

“Justeru, pengguna dinasihatkan untuk tidak membuat pembelian panik telur ayam kerana bekalan produk berkenaan akan pulih tidak lama lagi,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Azman berkata, rakyat negara

ini menggunakan kira-kira 30 juta telur ayam sehari atau 930 juta sebulan dan berdasarkan data pengeluaran telur ayam daripada 50 syarikat yang mewakili 80 peratus pengeluaran, sebanyak 839,281,658 telur ayam dikeluaran pada Disember lalu.

“Unjuran bagi pengeluaran telur ayam untuk Januari lalu adalah sebanyak 839,882,296 telur ayam.

“Sehingga semalam, sebanyak 91 peratus ketersediaan bekalan telur ayam dalam pasaran negara direkodkan berdasarkan pemerhatuan yang dibuat.

“Peratusan ini menunjukkan bekalan telur ayam adalah stabil dan mampu untuk memenuhi permintaan semasa pengguna Malaysia,” katanya.

Azman memaklumkan, peningkatan mendadak permintaan dan pembelian telur ayam ketika, semasa dan selepas cuti pe-

rayaan Tahun Baharu Cina baru-baru ini menyumbang kepada gangguan bekalan di beberapa negeri.

“Selain itu ada ladang ternakan ayam serta syarikat logistik penghantaran bekalan itu tidak beroperasi serta bercuti lama sempena perayaan berkenaan.

“Semua ini menyumbang kelewatan dalam membekalkan telur ayam dari ladang kepada pemborong atau peruncit di beberapa negeri seperti Terengganu, Negeri Sembilan, Perlis dan Sarawak.

“KPDNHEP sudah mengarahkan bekalan telur ayam adalah stabil dan mampu untuk memenuhi permintaan semasa pengguna Malaysia,” katanya.

Dalam pada itu, Azman berkata, setiap hari penguat kuasa KPDNHEP melakukan pemanta-

• Kita yakin bekalan telur ayam akan kembali stabil dan keberadaan akan meliputi semua lokaliti di seluruh negara apabila semua ladang pengeluarnya dan syarikat logistik penghantaran kembali beroperasi selepas cuti

Azman Adam,  
Ketua Pengarah  
Penguatkuasa  
KPDNHEP



uan dan pemeriksaan stok bekalan barang keperluan utama di setiap rantaian pengedaran iaitu di peringkat pengeluar, pengilang, pemborong dan peruncit.

“Selain telur dan ayam, barang lain turut dipantau termasuk gula, minyak masak, tepung gandum, beras, roti putih, susu tepung, sayur-sayuran dan bawang,” katanya.

**SUBSIDI TERNAKAN AYAM**

## *Cari formula terbaik elak penternak tanggung rugi*

**Alor Setar:** Subsidi ternakan ayam diharap mampu memberi situasi menang-menang dalam memastikan penternak tempatan tidak terbeban dengan kos operasi yang semakin meningkat ketika ini.

Pengasas dan Presiden Bismi Empire, Jaffri Ahmad berkata, kerajaan perlu mencari formula terbaik dalam melaksanakan mekanisme itu supaya penternak tidak terus menanggung kerugian.

"Setakat ini, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mapi) belum memberi penjelasan bentuk dan bagaimana subsidi ini akan diagihkan, cuma harapan kita sekurang-kurangnya jangan bagi penternak rugi."



Cuma harapan kita sekurang-kurangnya jangan bagi penternak rugi"

Jaffri

"Ini kerana apabila penternak mengalami kerugian, kita terpaksa mengurangkan pengeluaran ayam kerana tidak mahu terus menanggung kos yang tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai pengumuman kerajaan yang akan memberikan subsidi

bagi memastikan harga barang dapat dikawal selepas Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) berakhir semalam.

Pemberian subsidi itu antara perkara diputuskan kerajaan dalam Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) mengenai Industri Pengeлуaran Makanan bagi menangani isu bekalan dan pengeluaran makanan terutama bagi ayam dan telur ayam.

Mengulas lanjut, Jaffri berkata, kemelut ayam ketika ini semakin memburuk dengan masalah kekurangan bekalan ayam sepanjang musim perayaan Tahun Baharu Cina.

BEKALAN TELUR AYAM BERKURANGAN DI PASARAN

# MASALAH LOGISTIK, LADANG TUTUP JADI PUNCA

Oleh Suraya Roslan  
suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengenal pasti masalah logistik penghantaran dan ladang ternakan ayam dan telur ayam tidak beroperasi antara punca kekurangan bekalan telur ayam di pasaran.

Pengarah Penguat Kuasa

**930j**  
Jumlah penggunaan telur ayam seluruh negara untuk sebulan

KPDNHEP Azman Adam berkata, berlaku peningkatan permintaan dan pembelian telur ayam yang mendadak sebelum, semasa dan selepas cuti baru-baru ini yang menyumbang kepada gangguan ke atas bekalan te-

lur ayam masa kini.

"Di samping itu, ada ladang ternakan ayam dan telur ayam serta syarikat logistik penghantaran tidak beroperasi sepanjang cuti Tahun Baru Cina, malah ada yang cuti lebih dua hari.

"Semua ini menyumbang kepada kelewat-tan dalam membekalkan bekalan telur dari ladang ke pemborong dan peruncit di beberapa tempat seperti di Terengganu, Negeri Sembilan, Perlis dan Sarawak,"

katanya, semalam.

Menurutnya, KPDNHEP mengarahkan supaya semua peruncit untuk memperbaiki stok yang ada di premises masing-masing dan menghubungi pemborong dan pengeluar jika stok mereka jatuh ke tahap pesanan semula (*re-order limit*).

"Kementerian mengarahkan peruncit melaksanakan pembelian terhad jika perlu untuk memastikan lebih ramai pengguna dapat membeli dan menikmatinya," katanya.

Beliau turut menjelaskan, rakyat Ma-

laysia menggunakan 30 juta telur ayam sehari ataupun 930 juta sebulan di seluruh negara.

"Berdasarkan data pengeluaran telur ayam dari 50 syarikat telur ayam mewakili 80 peratus pengeluaran telur ayam di Malaysia, 839,281,658 telur ayam dilikeluarkan Disember lalu.

"Unjurian pengeluaran telur ayam bagi Januari 2022 pula 839,882,296 telur ayam.

"Sehingga 3 Februari lalu, 91 peratus ketersediaan bekalan telur ayam dalam pasaran negara direkodkan berdasarkan pemantauan yang dilakukan," katanya.

Azman berkata, peratusan ini menunjukkan bekalan telur ayam stabil dan mampu memenuhi permintaan semasa pengguna Malaysia.

"Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP sentiasa melakukan pemantauan dan permerisaan setiap hari ke atas kedudukan bekalan barang keperluan utama

di setiap rantaian pengedaran iaitu di peringkat pengeluar, pengilang, pemborong dan peruncit.

"Di samping ayam dan telur, barang-barang lain yang dipantau termasuk gula, minyak masak, tepung gandum, beras, roti putih, susu tepung, ayam, sayur-sayuran, telur ayam dan batwang.

"Kementerian yakin bekalan kembali stabil dan keberadaannya meliputi di semua lokaliti di Malaysia bila ladang pengeluar telur ayam dan syarikat logistik penghantaran beroperasi semula tidak lama lagi," katanya.

Katanya, kerajaan mengambil langkah intervensi melaksanakan Penentuan Harga Maksimum bermula esok hingga 5 Jun depan.

"Sebanyak dua jenis barang ditentukan harga maksimum tersenarai seperti ayam dan telur ayam (Gred A, B dan C).

"Pengguna dinasihatkan tidak membuat pembelian panik kerana isu bekalan yang berlaku adalah terpenting dan akan kembali normal dan stabil selepas cuti Tahun Baru Cina seperti maklum balas diterima daripada pemain industri," katanya.



KERAJAAN ambil langkah tindryensi melaksanakan Penentuan Harga Maksimum bermula esok hingga 5 Jun depan.

# Peniaga resah ayam mentah terhad

Peniaga gesa KPDNHEP buat siasatan

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

**B**ekalan ayam mentah di pasar basah dan gerai di sekitar daerah ini dikatakan semakin berkurangan sejak awal bulan Februari.

Tinjauan *Sinar Harian* di pasar basah Kuantan dan Pasar Balok mendapati, ayam yang dijual licin dalam tempoh tiga jam kerana dihadkan oleh pihak pembekal dan pemborong bekalan bahan mentah itu.

Ada kalangan peniaga mendakwa mereka tidak bermiaga sejak beberapa hari lalu disebabkan ketidaaan bekalan ayam, bagaimanapun pada Rabu meskipun bekalan ada dan ia dianggarkan dalam jumlah yang terhad kepada peniaga.

Seorang peniaga, Rokiah Man, 60, mengakui berdepan kekurangan bekalan bahan mentah itu sejak beberapa hari lalu disebabkan jumlah ayam yang diperoleh daripada pembekal dikurangkan.



ROHAYA

ALI



ROKIAH

Ali mengakui bekalan yang terhad menyebabkan peniaga tidak dapat memenuhi permintaan pengguna.



"Kalau dulu saya boleh jual antara 70 hingga 100 ekor ayam sejak sejak beberapa hari lalu disebabkan ketidaaan bekalan ayam, bagaimanapun pada Rabu meskipun bekalan ada dan ia dianggarkan dalam jumlah yang terhad.

"Jika betul bekalan tiada, mengapa bahan mentah yang saya peroleh daripada pembekal atau pemborong saiznya besar.

"Jadi, saya tidak nampak wujudnya masalah kekurangan bekalan bahan mentah itu, se-

baliknya pihak penternak sedang 'bermain' disebabkan penetapan harga oleh kerajaan," katanya ketika ditemui di Pasar Balok pada Jumaat.

Pada 1 Februari lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menetapkan harga maksimum runcit bagi ayam standard RM8.90 sekilogram bermula esok hingga 5 Jun depan.

Pengumuman itu telah menyebabkan pengurangan sebanyak 20 sen daripada harga

siling semasa RM9.10 sekotak bagi ayam standard.

Sehubungan itu, Rokiah menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) supaya membuat siasatan mengetahui punca sebenarnya pengehadan bekalan itu.

Seorang peniaga, Ali Akbar Othman, 50, memberitahu, kebiasaan dia membeli bekalan ayam sekitar 100 ekor untuk jualan hari biasa, manakala pada

Jumaat, Sabtu dan Ahad ia mencacah sehingga 200 ekor bergantung pada permintaan.

"Kali ini, bekalan ayam di-terima sangat terhad dan saya hanya peroleh bekalan antara 40 ekor ayam sahaja berbanding pesanan iaitu antara 80 hingga 100 ekor.

"Kata pembekal, stok tiada dan masalah ini biasa tiap kali kerajaan umum kenaikan atau penurunan harga," katanya yang bermiaga di pasar itu lebih 15 tahun.

Sementara itu, seorang peniaga, Rohaya Bakar, 59, mendakwa kerajaan supaya mengatasi masalah ini kerana jika ia berterusan peniaga terpaksa tutup kedai.

"Bila di peringkat ladang menjual ayam pada jumlah tertentu, pembekal dan pemborong terpaksa akur, kesannya peniaga berdepan dengan tekanan bekalan tidak cukup.

Hasnizawati Zakari, 40, pula memberitahu tidak sampai tiga jam bermiaga bekalan ayam mentahnya sebanyak 40 ekor habis dijual.

Hamda Busu, 53, turut mengakui dia tidak mendapat bekalan ayam seperti kebiasaan sejak dua hari lalu disebabkan pembekal dan pemborong mengehadkan pembelian.

# Permintaan mendadak, ladang tidak beroperasi

Punca gangguan bekalan telur ayam di pasaran ketika Tahun Baharu Cina

Oleh TUAN BUQHAIRAH  
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

**P**ermintaan telur ayam yang tinggi dan mendadak sebelum, semasa serta selepas cuti Tahun Baharu Cina dikenal pasti punca kepada gangguan bekalan telur ayam di pasaran.

Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, terdapat juga ladang ternakan ayam serta syarikat logistik penghantaran tidak beroperasi sepanjang cuti perayaan itu.

"Semua itu menyumbang kepada kelewatian dalam membelikan bekalan telur dari ladang ke pemborong dan



Permintaan dan pembelian telur ayam yang mendadak ketika Tahun Baharu Cina dikenal pasti punca kepada gangguan bekalan telur di pasaran.

peruncit di beberapa tempat seperti di Terengganu, Negeri Sembilan, Perlis serta Sarawak," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Menurutnya, rakyat Malaysia menggunakan kira-kira 30 juta biji telur ayam sehari ataupun 930 juta sebulan di seluruh negara.

"Berdasarkan data pengeluaran telur ayam dari 50 syarikat telur ayam yang mewakili 80 peratus pengeluaran telur ayam di Malaysia, sebanyak

839,281,658 biji dikeluarkan pada Disember 2021.

"Unjuran pengeluaran telur ayam bagi Januari 2022 pula adalah sebanyak 839,882,296 biji. Sehingga 3 Februari lalu, sebanyak 91 peratus ketersediaan bekalan telur ayam dalam pasaran negara direkodkan," katanya.

Azman berkata, peratusan itu menunjukkan bekalan telur ayam adalah stabil dan mampu untuk memenuhi permintaan semasa pengguna Malaysia.

**ISOLATED CASES**

## 'Terengganu egg shortage likely due to delays in replenishing stocks'

**KUALA LUMPUR:** The recent shortage of eggs in Terengganu could have also occurred due to delays in replenishing egg stocks at stores.

However, Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi described the situation as "isolated cases" that are confined to certain areas only.

"Our enforcement officers are closely monitoring the situation on the ground through the 72 Enforcement Command Centres (ECC) that the ministry has across the country.

"Sometimes, the reason for the shortage could be due to delays (by stores) to restock the shelves with the items.

"It does not necessarily indicate an actual supply shortage.

"Furthermore, various other factors are also at play here. Climate change, for example, could affect egg production and grading of the eggs.

"Nevertheless, we appreciate the feedback from all parties, including consumers, as complaints and information from them enable us to remedy the situation quickly," he said, when

contacted by the *New Straits Times* yesterday.

Terengganu has been facing shortage of eggs for over a month, after the estimated supply being distributed in the market dropped by 50 per cent — from 900,000 eggs in November 2021 to 450,000 eggs in December.

The state's Domestic Trade and Consumer Affairs director Saharuddin Mohd Kia, on Thursday, said the supply crunch was triggered by climate change, a hike in chicken feed prices and higher labour costs.

Saharuddin said checks by the

department found that 70 per cent of the 26 major supermarkets in the state still had ample supply of eggs to meet the demand.

On a related development, Nanta Linggi said the ministry has not received any complaints of price hike from consumers during the Chinese New Year festive period.

This success, he said, demonstrated the effective implementation of the Festive Season Maximum Price Control Scheme (SHMMP) for Chinese New Year from Jan 29 to Feb 4.



Datuk Seri Alexander Nanta Linggi

## 'Egg shortage will be over soon'

Public advised not to panic buy as supply would return to normal after CNY holidays

**PUTRAJAYA:** The current shortage of eggs is due to high festive consumption, as well as farms and delivery companies not operating during the Chinese New Year holiday period, says the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry.

Its enforcement director Azman Adam said the sharp increase in the purchase of eggs before, during and after the recent holidays has contributed to the current shortage.

These factors also contributed to the delay in the supply of eggs from farms to wholesalers and retailers in several places such as Terengganu, Negeri Sembilan, Perlis and Sarawak, he added.

"The (ministry) is confident that

the supply of eggs will stabilise and be available at all localities in Malaysia once egg farms and delivery companies resume operation soon," he said in a statement yesterday, Bernama reported.

Several states, such as Terengganu, had experienced a shortage of eggs over the past month.

According to Azman, Malaysians consume 30 million chicken eggs a day or 930 million eggs a month.

Based on production data from 50 chicken egg companies, which represent 80% of egg production in Malaysia, a total of 839,281,658 eggs were produced in December 2021, while production for January 2022 was projected at 839,882,296 eggs.

He said that as of Thursday, the availability of eggs was recorded at 91% nationwide and this showed that supply was stable and able to meet current demand.

Azman advised consumers not to resort to panic buying as the supply issue was isolated and would return to normal and stabilise after the Chinese New Year holidays.

He said the ministry has instructed all retailers to renew stock in their shops as well as contact wholesalers and manufacturers if supply fell to the re-order limit.

"The ministry has also instructed retailers to implement limited purchases to ensure more consumers can buy eggs," he said.



**Scrambling for more:** The ministry is confident the supply of eggs will stabilise in Malaysia once egg farms and delivery companies resume operation after the CNY break. — Bernama